



TM **B.DEX BEAUTY CENTRE SDN. BHD.** (668614-W)
 NO 31, WISMA MURNI, JALAN RAMPAI NIAGA 5, RAMPAI BUSINESS PARK,
 TAMAN SRI RAMPAI, 53300 SETAPAK KUALA LUMPUR
 TEL : 03-4142 4444, 03-4149 9666 FAKS: 03-4142 8490



Serlahkan Keterampilan Diri

Rangkaian produk BIODEX lengkap untuk kesihatan dan kecantikan tubuh.



Nurul Fatim Nabillah Bt Abd Halim

Saya berhadapan dengan masalah genggugut yang teruk dan ini memaksa saya untuk mendapatkan cuti sakit selama 2 hari setiap bulan. Darah yang keluar pula berketul-ketul dan kehitam-hitaman. Walaupun seringkali berhadapan dengan masalah haid sejak sebelum berkahwin lagi namun saya tidak memandang ini sebagai sesuatu perkara yang serius. Namun setelah hampir tiga tahun berkahwin, saya mula terfikir masalah ini mungkin menjadi penyebab utama saya sukar untuk hamil.

Sebelum ini, saya ada terdengar tentang **BIODEX** tetapi kurang yakin dengan keberkesannya sehinggalah saya terbacca pengakuan pengguna **BIODEX** yang telah berjaya hamil. Kisahnyanya yang sungguh menyentuh hati yang berkisarkan harapannya untuk mempunyai cahayamata sendiri benar-benar membuatkan hati saya terbuka lalu saya berkongsi perasaan saya bersama suami. Kami juga telah berbincang dan berhasrat untuk mencuba **Set Kehamilan (PKB) BIODEX** ini. Saya telah ke **Salun Puracitra (019-3301474)** untuk mendapatkan khidmat rundingan dan pemakanan **BIODEX**. Setelah benar-benar faham tentang **PKB** ini, saya telah mendapatkan satu **Set Kehamilan Lengkap** untuk isteri dan mengamalkannya selama sebulan. Apa yang saya perasan, haid yang keluar tidak lagi menyebabkan saya mengalami genggugut yang teruk. Saya sangat gembira dengan perubahan positif ini. Bayangkanlah selama bertahun-tahun saya mengalami genggugut yang teruk, ianya telah hilang sama sekali selepas mengamalkan **PKB** dengan konsisten selama sebulan. Saya mula bertambah yakin dengan keberkesanan **PKB** dan masuk bulan ke 2, saya menyambung lagi pemakanan ini tetapi kali ini saya membeli **Set Lengkap Suami Isteri PKB** pula.

Selepas 3 bulan mengamalkan **PKB** secara konsisten, saya merasakan badan semakin sihat, ber tenaga dan haid keluar dengan lancar tanpa genggugut. Suami saya juga semakin ceria dan dapat menumpukan sepenuh perhatian di tempat kerja. Sehinggalah saya mula berasa loya-loya dan kerap buang air kecil di tempat kerja. Suami telah membawa saya ke klinik untuk mendapatkan rawatan kesihatan. Alangkah terkejutnya kami apabila doktor mengesahkan saya telah pun hamil 6 minggu. Kami sangat-sangat bersyukur dan gembira dengan berita kehamilan ini kerana inilah saat-saat yang kami tunggu setelah 3 tahun mendirikan rumahtangga. Sekali lagi saya mengakui bahawa **BIODEX** sememangnya berkesan. Memang benarlah apa yang di war-warkan tentang **BIODEX** selama ini, kadang-kadang kala terasa juga menyesal kerana terlambat mencubanya. Pada peringkat awal kehamilan, saya mengamalkan **Set Semasa Hamil BIODEX** yang terdiri daripada **Supreme Diet** dan **Susu IgC** selama 3 bulan dan menghentikan pengambilan di tengah-tengah tempoh kehamilan. Tetapi apabila kandungan masuk usia 7 bulan sehingga ingin melahirkan, saya mengamalkan **Supreme Diet** dan **Susu IgC** semula. Saya mulai perasan apa perubahan positif yang berlaku ke atas diri saya iaitu saya tidak mengalami sebarang alahan, kaki tidak sembab malah saya tidak mengidam untuk makan sesuatu yang bukan-bukan. Kulit saya juga tidak kering malah terasa lebih licin dan lembut berbanding sebelum ini. Leher dan bahagian bawah lengan turut tidak menjadi hitam seperti yang biasa dialami oleh wanita yang hamil. Saya turut menggunakan **Whitening Lotion BIODEX** dengan menyapu di bahagian perut yang semakin membesar bagi mengurangkan "stretch mark" selepas bersalin nanti.

Pada saat-saat akhir sebelum dimasukkan ke dalam bilik bersalin, saya mengambil kesempatan untuk minum 1 sachet **Supreme Diet** untuk membekalkan tenaga tambahan bagi memudahkan saya untuk bersalin. Alhamdulillah, saya selamat melahirkan bayi perempuan seberat 3.09 kg secara normal. Bayi comel ini telah diberi nama Nurul Fatim Nabillah. Saya hanya mengambil masa selama 1 jam untuk bersalin selepas air ketuban pecah. Fatin juga sangat sihat, kulit cerah dan gebu. Susu badan saya juga cepat keluar, hanya selepas beberapa jam saya bersalin, saya sudah mampu mengajar bayi saya untuk menyusu. Pada hari kedua, susu badan keluar dengan lebih banyak dan sekaligus mampu mengenyangkan anak saya. Mungkin inilah kesan kebaikan mengamalkan **Supreme Diet** dan **Susu IgC** sewaktu hamil. Ahli keluarga saya yang lain turut terkejut dengan perkara ini kerana kebiasaannya air susu tidak mungkin keluar sebanyak ini. Mereka juga mengakui rangkaian produk **Biodex** terlalu banyak kelebihannya.

Kini usia Fatin sudah hampir satu tahun. Sejak kelahirannya kami langsung tiada masalah untuk membesarkannya. Dia sangat sihat, tidak mudah demam, tiada masalah kulit, tiada ruam walaupun lampin ditukar dengan agak lambat dan sangat aktif. Kembang perut atau perut tidak selesa selepas makan tidak menjadi masalah kepada Fatin. Kulitnya juga tidak perlu disapu losyen kerana kulitnya sentiasa lembab, licin dan semakin hari semakin cerah dan gebu. Dia juga tidak demam walaupun selepas mendapat suntikan imunisasi malah kekal ceria dan aktif bermain sepanjang hari. Dia juga sangat peramah seolah-olah ingin bercakap dengan semua orang di sekelilingnya. Sejak **B-IQ** keluaran **BIODEX** mula dipasarkan, saya telah mendapatkannya untuk diberikan kepada Fatin. **B-IQ** dikatakan mampu mencerdaskan otak serta merangsang minda kanak-kanak dengan mengaktifkan sel-sel penting di dalam otak khusus untuk kecerdasan. Selepas sebulan memberikan **B-IQ** kepada Fatin, saya mulai perasan dia telah memberi respon yang sangat baik. Apabila namanya dipanggil dia akan mengangkat tangan dan apabila dipuji dia comel atau pandai dia pasti akan menekup tangan tanda gembira atau setuju. Dia juga sudah aktif untuk belajar berdiri dan berjalan sendiri. Fatin juga mula bercakap seolah-olah cuba meniru apa yang orang di sekelilingnya cakapkan. Saya dan suami benar-benar gembira dan terhibur dengan perubahannya yang sangat membanggakan itu. Jika dibandingkan dengan beberapa bayi yang seusianya, saya lihat anak kami lah yang paling aktif dan ceria. Bukanlah mahu berbangga atau mengada-adakan cerita tetapi itulah juga yang saudara-mara dan kawan-kawan saya katakan.

Sehingga sekarang saya masih setia mengamalkan **Supreme Diet** dan **Susu IgC** untuk meningkatkan kesuburan, menambah tenaga dan menjaga kesihatan dalaman. Kulit saya juga tidak lagi kering di bahagian celah-celah jari kaki, terkepok atau bersisik kerana kekeringan malah bertambah lembut dan licin. Saya juga masih mengamalkan sapuan **Whitening Lotion BIODEX** untuk menghilangkan kesan "stretch mark" selepas bersalin. Suami turut memuji dan gembira dengan perubahan yang berlaku ini. Tymatallah **BIODEX** bukan sahaja dapat membantu memudahkan kehamilan malah membina sel-sel kulit baru dan mencantikkan tubuh. Dalam masa yang sama, saya turut ingin menyiapkan diri dan bersedia bagi merancang kehamilan yang kedua pula.

Saranan saya kepada anda yang mengimpikan cahayamata sendiri, cubalah **BIODEX**. Walaupun kesannya tidak sama dan bergantung dengan sistem tubuh serta masalah penyakit yang dihadapi seseorang, anda haruslah bersabar dan teruskan usaha. Jangan mudah berputus asa jika sebulan penggunaan anda masih tidak hamil. Mungkin anda di kategorikan sangat bermasalah dan memerlukan tempoh yang panjang bagi membetulkan sistem dalaman badan. Apa yang penting ialah kita harus berikhtiar dan berdoa kepada Tuhan agar dipermudahkan urusan dan dimurahkan rezeki. Anda pasti tidak akan kecewa. Cubalah **BIODEX**!

Set Bersalin Biodex



Set Semasa Hamil



Nama: **Juliana bt Poniran** Umur: **25 tahun** Tempoh Perkahwinan: **4 tahun** Asal: **KL**

Kami memerlukan gambar dan data-data peribadi anda untuk mewujudkan "BIODEX KIDS CLUB" yang akan menjalankan aktiviti kekeluargaan Biodex di seluruh negara. Sila hantarkan data-data dan gambar ke alamat seperti di atas atau emelkan ke drsitimurni@gmail.com

WEBSITE: www.biodex2u.com.my

E-mail: biodex87@gmail.com